

CNS7146

U GB 05-08 00175 BH065

aab

Mahathir - Pemilihan

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata nasihatnya kepada anggota-anggota parti ialah agar jawatan Timbalan Presiden UMNO sahaja tidak dipertandingkan pada pemilihan November ini dan bukannya untuk jawatan beliau sebagai Presiden.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat lebih baik sekiranya jawatan Nombor Dua dalam UMNO itu tidak dipertandingkan walaupun perlembagaan parti membenarkannya.

"Saya berpendapat jika tidak ada pertandingan bagi jawatan Nombor Dua, ia lebih baik bagi parti, kerana mengikut tradisi ia tidak dipertandingkan, tetapi perlembagaan parti membenarkan pertandingan."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO selama tiga jam setengah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menyatakan agar orang lain tidak bertanding bagi jawatan Presiden menentanginya kerana sesiapa (ahli UMNO) boleh berbuat demikian.

"Bukan dua jawatan tertinggi, hanya satu jawatan tertinggi sahaja," katanya ketika ditanya sama ada beliau tetap dengan pendirian agar dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan. -- lagi

▼05/08/15-07MSI

U GB 05-08 00130 BH069

aab

Mahathir - Pemilihan 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya pendirian Majlis Tertinggi mengenai sokongan terbuka yang diberikan oleh anggota parti kepada pemimpin UMNO untuk bertanding jawatan tertentu, Dr Mahathir berkata M' tidak mempunyai apa-apa pendirian mengenai perkara itu.

Beliau berkata anggota parti boleh melakukan apa sahaja yang diizinkan oleh perlembagaan (UMNO).

"Hanya kita menasihatkan, dalam perkara ini masing-masing mengambil kira tradisi dan sebagainya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata soal pemilihan parti dibincangkan "sedikit sebanyak" pada mesyuarat hari ini dan anggota M' berpendapat bahawa sebenarnya keadaan politik dalam parti tidaklah bergolak dengan begitu banyak seperti yang dijangka.

"Masing-masing percaya bahawa mereka mampu untuk mengawal perasaan dan menentukan perpaduan dalam parti tidak terjejas hanya kerana pemilihan," katanya. -- lagi

▼05/08/15-34MSI

aab

Mahathir - Pemilihan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai kenyataan pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) Shahidan Kassim, yang menyokong agar Datuk Seri Anwar Ibrahim menentang Encik Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden, katanya perkara itu dibincangkan sepintas lalu dan menganggapnya sebagai perkara biasa.

"Kita berpendapat bahawa sepatutnya badan yang asing dari UMNO tidak harus terlibat dalam pemilihan," katanya.

Apabila ditanya tentang tindakan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang mengemukakan usul mengenai kedudukan Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat semalam berikutan kenyataan Shahidan itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai apa-apa komen mengenai perkara itu.

"Dia nak cakap, dia cakap. lepas dia cakap dia kata negara ini tidak demokratik. Patutnya kalau negara ini tidak demokratik, kita tangkap dia," kata beliau.

Sebelum itu, Perdana Menteri membacakan senarai 10 orang yang dipilih sebagai anggota jawatankuasa pemilihan UMNO, iaitu Tan Sri Mustafa Jabar, Tan Sri Abdul Samad Idris, Tan Sri Sharif Ahmad, Tan Sri Azahari Mat Taib, Datuk Hormat Rafaei, Datuk Ahmad Razali Mohd Ali, Datuk Melan Abdullah, Datuk Siti Rahmah Mohd Kassim, Datuk Paduka Hajah Fatimah Abdul Majid dan Tan Sri Khir Johari. -- Bernama

JO MAI

▼05/08/15-47MSF